



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN MORAL

KOD KURSUS : UWA 10202

KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBF/ BBG/ BDD/ BEJ/
BEV/ BFF/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/
BNB/ BND/ BNE/ BNF/ BNG/ BNH/
BNK/ BNL/ BNM/ BPA/ BPB/ BPC/
BPD/ BPP/ BWA/ BWQ

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

TERBUKA

S1 Perkataan moral berasal dari bahasa

- A Arab
- B Latin
- C Melayu
- D Inggeris

S2 Apakah sumber utama moral?

- A Akal
- B Agama
- C Kitab-kitab suci
- D Buku-buku klasik

S3 Manakah antara berikut merujuk kepada maksud moral?

- I Hubungan antara sesama manusia
- II Berkaitan dengan tingkah laku, amalan dan perbuatan
- III Perbuatan dan nilai-nilai yang baik atau buruk dalam sesuatu masyarakat
- IV Keadaan perasaan yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S4 Perkataan akhlak berasal dari bahasa

- A Arab
- B Parsi
- C Melayu
- D Sanskrit



S5 Manakah perkataan yang boleh dikaitkan dengan akhlak dari segi bahasa?

- I Adat
 - II Tabiat
 - III Perilaku
 - IV Perangai
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S6 Apakah pernyataan yang merujuk kepada maksud akhlak?

- A Keadaan kejiwaan yang sukar dan susah untuk dibentuk
- B Keadaan kejiwaan yang diterima mengikut persepsi seseorang individu
- C Keadaan kejiwaan yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia
- D Nilai baik dan buruk adalah berdasarkan pandangan peribadi atau pihak yang tertentu

S7 Pilih pernyataan yang merujuk kepada kepentingan akhlak.

- I Akhlak yang luhur akan dicintai rakan
 - II Akhlak yang baik menggambarkan jiwa seseorang
 - III Akhlak yang luhur memberatkan timbangan amalan
 - IV Akhlak yang baik menunjukkan kesempurnaan iman
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S8 Apakah sumber utama akhlak Islam?

- A Adat dan budaya
- B Al-Quran dan al-Hadis
- C Peraturan dan undang-undang
- D Pemikiran dan kata-kata hikmah

Soalan 8 berdasarkan definisi pada **Pernyataan 1**.

Pernyataan 1

Suatu sifat yang tetap dan sebatи dalam jiwa yang akan melahirkan perbuatan sama ada baik atau buruk tanpa perlu kepada pemikiran terlebih dahulu.

S9 Pilih jawapan yang bersesuaian dengan Pernyataan 1 di atas.

- A Etika
- B Moral
- C Norma
- D Akhlak

S10 Manakah antara berikut merujuk kepada maksud etika?

- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
 - II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
 - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S11 Manakah antara berikut yang menerangkan tentang etika normatif?

- I Ia menilai, mengkritik dan membuat keputusan terhadap sistem moral yang ada
 - II Ia biasanya disebut nilai yang mutlak yang biasanya dikaitkan dengan ajaran agama.
 - III Ia menyatakan apakah bentuk atau karektor sebenar satu-satu sistem moral yang ada dewasa ini
 - IV Ia menyedarkan kita bahawa nilai-nilai moral tidak semuanya berubah mengikut perubahan budaya manusia tetapi ada juga nilai-nilai moral yang tetap dan tidak berubah.
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 12 berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 2**.

Pernyataan 2

Di negara Malaysia, sebuah keluarga dibina berdasarkan proses perkahwinan yang sah menurut agama, sebaliknya di negara Belanda perkahwinan antara sesama jenis boleh diterima tanpa mengambil kira tentang agama.

S12 Nyatakan nilai moral yang sesuai bagi Pernyataan 2 di atas.

- A Relatif
- B Mutlak
- C Objektif
- D Subjektif

S13 Apakah asas utama kehidupan bermoral bagi manusia?

- A Kepercayaan kepada diri sendiri
- B Nilai kepercayaan kepada tuhan
- C Nilai kepercayaan kepada pemimpin
- D Kepercayaan teguh terhadap komuniti

TERBUKA

S14 Manakah pernyataan berikut yang menunjukkan kesan agama kepada amalan moral?

- A Meninggalkan perkara yang buruk dan berubah kepada yang kurang buruk
- B Mengamalkan gejala sosial demi mengikuti arus kehidupan yang serba moden
- C Saling ziarah-menziarahi untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama penjenayah
- D Saling hormat-menghormati dan tolong-menolong walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya

S15 Pilih faktor-faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan moral.

- I Keluarga
- II Pendidikan
- III Pemerintahan
- IV Rakan Sebaya

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S16 Manakah antara berikut merupakan faktor dalaman pembentukan moral?

- I Emosi
- II Naluri
- III Agama
- IV Genetik

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

Soalan 17 berdasarkan kepada situasi dalam **Pernyataan 3.**

Pernyataan 3

“Haiwan merupakan suatu elemen penting dalam kehidupan manusia. Ia boleh dijadikan sebagai sumber makanan dan tenaga bagi melakukan kerja berat yang tidak mampu dilakukan oleh manusia. Sebagai contoh, suatu masa dahulu kerbau digunakan membajak sawah dan gajah digunakan untuk mengangkut barang. Haiwan juga boleh dijadikan teman untuk memupuk kasih sayang dalam jiwa manusia.”

S17 Apakah jenis hubungan dalam pernyataan 3 di atas?

- A Hubungan manusia dengan alam
 - B Hubungan manusia dengan binatang
 - C Hubungan manusia dengan persekitaran
 - D Hubungan manusia dengan ciptaan tuhan

S18 Mengapakah manusia perlu bermoral kepada alam sekitar?

- I Manusia perlu tahu keadaan dan keperluan alam sekitar
II Dapat mengatur tingkah laku manusia terhadap alam sekitar
III Dapat mengimbangkan antara hak individu dan hak alam sekitar
IV Alam sekitar tidak akan berfungsi dengan baik tanpa adanya nilai moral

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S19 Apakah nilai moral yang tidak perlu ada dalam masyarakat dari aspek sosial?

- A Menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga masing-masing
 - B Mempastikan semua masyarakat mendapat pendidikan yang cukup
 - C Bertoleransi dalam masyarakat terhadap semua perkara terutama yang melibatkan kepercayaan
 - D Memelihara kerukunan hidup berjiran dan peka terhadap isu-isu sosial yang berlaku dalam masyarakat

TERBUKA

S20 Pilih langkah terbaik untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar?

- I Mengamalkan konsep 3R iaitu *Reduce, Reuse* dan *Recycle*
 - II Menjalin hubungan harmonis antara manusia dengan alam sekitar
 - III Menggunakan tenaga dan bahan api secara konsisten untuk keselesaan keluarga
 - IV Menggunakan penghawa dingin sepanjang masa untuk menjamin keselesaan di tempat kerja
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

Soalan 21 hingga 24 merupakan pandangan agama-agama terhadap moral dalam **Jadual 1**. Pilih jawapan yang tepat.

Jadual 1

| | |
|---|----------------|
| A | Agama Islam |
| B | Agama Hindu |
| C | Agama Kristian |
| D | Agama Buddha |

S21 Moral adalah ajaran mengenai kesan baik atau buruk dari semua jenis kehendak manusia sama ada dari segi tindakan, pemikiran atau pertuturan.

S22 Moral adalah ajaran yang memimpin manusia kepada kemutlakan moral, kehormatan manusia dan penebusan dosa.

S23 Moral adalah kelakuan yang tidak melanggar batas-batas peraturan akhlak yang ditetapkan dan penilaianya adalah mutlak.

S24 Moral adalah perbuatan murni yang dilakukan secara sengaja dalam kehidupan manusia dan tidak ada sesuatu yang berlaku secara kebetulan.

TERBUKA

S25 Mengapakan pentingnya moral dalam agama?

- I Dapat pengampunan daripada tuhan atas dosa-dosa yang telah kita lakukan
 - II Dapat mengajar manusia agar meninggalkan yang buruk dan berubah kepada yang baik
 - III Dapat menjadikan manusia lebih seronok untuk mengadakan upacara-upacara keagamaan masing-masing
 - IV Dapat mengamalkan perbuatan tolong-menolong dan saling menziarahi untuk mengeratkan hubungan silaturahim
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S26 Siapakah pengasas ajaran Konfusianisme?

- A Mo Zi
- B Huang Zi
- C Khung Fu Zi
- D Kong Ming Zi

S27 Manakah antara berikut tidak benar mengenai ajaran Konfusianisme?

- I Mengingati roh nenek moyang
 - II Menjadi amalan dan panduan zahir dan batin kepada penganutnya
 - III Merupakan susunan falsafah dan etika yang mengajar bagaimana manusia bertingkah laku
 - IV Mementingkan akhlak yang mulia dengan menjaga hubungan antara manusia di langit dengan manusia di bumi dengan baik
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S28 Nyatakan tiga ajaran utama Konfusianisme yang menekankan peningkatan moral.

- A Ren, Yi dan Li
- B Zhi, Xin dan Wu Chang
- C Be de, Xiong dan Wu Lun
- D Wu Chang, Wu Lun dan Be De

TERBUKA

- S29** Apakah pegangan yang harus diikuti oleh penganut ajaran Konfusianisme berdasarkan konsep *Zhi*?
- A Berpegang kepada janji
B Menjaga kesopanan dan kesusilaan
C Mempunyai kebijaksanaan dan berpengetahuan dalam pelbagai aspek
D Memiliki sifat berkasih sayang, menghormati orang tua dan kebolehpercayaan
- S30** Manakah pernyataan yang benar mengenai maksud etika dalam tradisi Hindu?
- I Ilmu pengetahuan yang membahaskan asas-asas akhlak dan moral
II Kesusilaan, perasaan batin atau kecenderungan batin untuk melakukan sesuatu kebaikan
III Tingkah laku manusia untuk menemui kebenaran dan kebaikan atau perilaku manusia
IV Kebenaran dan kebajikan yang memimpin manusia untuk mencapai kebahagiaan dan keselamatan
- A I, II dan III sahaja
B I, II, dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S31** Apakah nilai yang menyeru kepada sikap penyayang kepada manusia dan haiwan dalam tradisi etika Hindu?
- A Dhano dan dhruthi
B Dharma dan ahimsa
C Dhruthi dan dharma
D Ahimsa dan kahamaa
- S32** Pilih jawapan yang benar mengenai konsep *kamma* dalam agama Buddha.
- A Kesetiaan
B Kebahagiaan
C Akibat perbuatan lampau
D Tanda penghapusan segala penderitaan

**TERBUKA**

S33 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *dukkha* dalam ajaran agama Buddha?

- A Menghapuskan penderitaan
- B Mencapai kebahagiaan hidup
- C Membebaskan diri daripada nafsu dan mencapai kebahagiaan yang hakiki
- D Mengetahui punca timbulnya penderitaan dan kaedah mengubati penderitaan itu

S34 Apakah empat perkara yang terkandung dalam ajaran Jalan Lapan Lapis Mulia (*Eight Right Path*)?

- A Pekerjaan yang betul, usaha yang betul, tumpuan yang betul, tekad yang betul
- B Pandangan yang betul, fikiran yang betul, pertuturan yang betul, perbuatan yang betul
- C Pandangan yang betul, penglihatan yang betul, pengetahuan yang betul, penelitian yang betul
- D Penderitaan yang betul, kesengsaraan yang betul, kebahagiaan yang betul, keharmonian yang betul

S35 Manakah antara berikut merupakan larangan agama Kristian berhubung dengan nilai moral yang terdapat dalam *The Ten Commandments*?

- I Larangan untuk berhibur
- II Larangan menjadi saksi palsu
- III Larangan mengambil harta atau isteri jiran tetangga
- IV Larangan menyebut nama tuhan dalam kerja-kerja yang tidak berfaedah

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S36 Apakah kepentingan penerapan nilai integriti dalam organisasi?

- A Mengintegrasikan individu dalam organisasi
- B Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran dalam organisasi
- C Mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan sikap pentingkan diri
- D Memupuk kasih sayang dan sikap saling memahami antara satu sama lain

TERBUKA

1. Jawab setiap soalan berdasarkan maklumat yang diberikan.
2. Jawab setiap soalan dengan lengkap dan akurat.
3. Jangan lupa untuk menulis nama dan matric number anda pada setiap halaman.
4. Kertas ini adalah terbuka untuk merujuk maklumat tambahan.

SULIT

S37 Apakah kepentingan etika dalam perniagaan?

- A Panduan kepada peniaga supaya dapat menaikkan harga barang
- B Panduan peniaga untuk memiliki nilai etika yang baik dalam perniagaan
- C Panduan kepada peniaga supaya boleh menjual barang dengan harga yang murah
- D Panduan kepada peniaga untuk mengaut keuntungan yang besar dalam perniagaan

S38 Nyatakan fungsi kelima Kod Etika Profesional.

- A Membantu para penjawat awam dalam pencegahan rasuah
- B Membantu para profesion daripada sebarang tekanan dalam pekerjaan
- C Membantu para penyelidik menangani persoalan yang dihadapi dalam masyarakat
- D Membantu para ahli profesional mempertahankan diri sekiranya menerima tuduhan atau tohmahan

S39 Manakah amalan yang dianggap beretika secara profesional?

- A Menolong orang tua memberi rasuah
- B Menolong orang muda mengadakan rusuhan
- C Menolong orang tua menyelesaikan masalahnya
- D Menolong orang muda menjalankan aktiviti merperdagangkan manusia

S40 Apakah ciri-ciri ahli profesional yang mempunyai motivasi tinggi?

- A Mereka yang menjalankan tugas dengan beban yang tinggi
- B Mereka yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa arahan
- C Mereka yang melaksanakan tugas setelah diarahkan oleh pihak atasan
- D Mereka yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan sesuatu kerja atau tugas

TERBUKA

Soalan 41 dan 42 berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 4**.

Pernyataan 4

Setiap kali musim perayaan, kejadian pecah rumah sering berlaku di kawasan kediaman terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Rumah Encik Ahmad turut dipecah masuk dan beberapa barang berharga termasuk komputer riba, barang kemas serta duit RM10,000 telah hilang ketika beliau sekeluarga berhari raya di kampung.

S41 Apakah tindakan yang boleh anda lakukan bagi mengatasi masalah di atas?

- A Membuat intipan di kawasan rumah anda untuk menangkap pencuri
- B Pergi ke rumah Encik Ahmad untuk menyiasat kes bagi mengenalpasti pencuri
- C Mengawasi rumah Encik Ahmad dan jiran lain terutamanya semasa mereka tiada di rumah
- D Mempastikan rumah anda sentiasa berada dalam keadaan selamat dengan menyuruh jiran menjaga rumah anda

S42 Pilih nilai-nilai yang perlu diamalkan oleh penduduk di kawasan perumahan tersebut.

- I Ramah mesra
- II Bekerjasama
- III Rasa belas kasihan
- IV Semangat kejiranan

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

S43 Apakah punca utama jenayah pembuangan bayi?

- A Perzinaan berleluasa
- B Kemiskinan keluarga
- C Keganasan rumah tangga
- D Pemerdagangan manusia

TERBUKA

PERPUSTAKAAN DAIRYUSSALAM
JALAN 14/100, TTDI, 50480 KUALA LUMPUR,
WILAYAH PERsekUTUAN KUALA LUMPUR,
MELAKA, 75350, MALAYSIA.
TEL: 03-9016 3000 | FAX: 03-9016 3000

S44 Siapakah yang sering terlibat dengan jenayah rasuah?

- A Pekerja kolar biru
- B Pekerja poket biru
- C Pekerja kolar putih
- D Pekerja poket putih

S45 Apakah punca utama berlakunya rasuah dalam pengurusan sesuatu organisasi?

- A Pemilihan pekerja berdasarkan kronik
- B Pemantauan dan penyeliaan yang longgar
- C Kegemaran mengejar populariti dalam organisasi dan masyarakat
- D Budaya masyarakat majmuk memberi hadiah dalam bentuk wang dan barang

Soalan 46 dan 47 berdasarkan peristiwa dalam **Pernyataan 5**.

Pernyataan 5

Pada bulan April 2014, negara dikejutkan dengan kematian 6 orang remaja dalam Future Muzik Festival Asia (FMFA) 2014 yang diadakan di Stadium Bukit Jalil.

S46 Apakah aktiviti yang menyebabkan peristiwa malang tersebut berlaku?

- I Minum arak
 - II Pergaulan bebas
 - III Pengambilan dadah
 - IV Biseksual dan transgender
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S47 Mengapa ramai remaja terlibat dalam aktiviti tersebut?

- A Remaja suka hiburan
- B Remaja suka mencuba
- C Remaja perlukan kebebasan
- D Remaja dilimpahi dengan kemewahan

TERBUKA

1. Berdasarkan maklumat yang diberikan
2. Menggunakan maklumat
3. Menulis maklumat yang diberikan
4. Menggunakan maklumat yang diberikan

S48 Apakah langkah-langkah untuk memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan remaja?

- I Ibu bapa perlu memupuk nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak sejak kecil
 - II Kerajaan perlu melancarkan kempen Budi Bahasa Budaya Kita setiap masa
 - III Pihak sekolah perlu menekankan kecemerlangan akademik dalam proses pendidikan di sekolah
 - IV Guru-guru perlu menyelitkan nilai-nilai murni semasa proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 49 hingga 51 berdasarkan perbuatan jenayah pada **Jadual 2**

Jadual 2

| Kategori | Perbuatan | Kesan |
|----------|--|------------------------------------|
| Fizikal | memukul, mencucuh api rokok, mencampak dan lain-lain | cedera, cacat, meninggal dunia |
| X | marah, cerca, caci dan lain-lain | kemurungan, keresahan, ketakutan |
| Seksual | meliwat dan merogol | meninggal dunia, cedera, ketakutan |

S49 Pilih jenayah yang mempunyai hubungan dengan pernyataan dalam Jadual 2.

- A Pelacuran kanak-kanak
- B Penderaan kanak-kanak
- C Keganasan rumah tangga
- D Pemerdagangan manusia

S50 Apakah kategori yang sesuai bagi X pada Jadual 2?

- A Emosi
- B Rohani
- C Mental
- D Perasaan

TERBUKA

SULIT

S51 Berapakah had umur yang dikategorikan sebagai kanak-kanak dalam Akta Kanak-kanak 2001?

- A Di bawah 21 tahun
- B Di bawah 18 tahun
- C Di bawah 16 tahun
- D Di bawah 12 tahun

S52 Manakah situasi berikut termasuk dalam teori Deontologi?

- I Doktor Lee berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan seorang pesakit yang ditimpa kemalangan
 - II Cik Wong memecahkan cermin kereta untuk menyelamatkan seorang bayi yang terkunci di dalam kereta
 - III Encik Wan tidak dapat menghadiri kelas moral kerana terpaksa menghadiri program bersama menteri
 - IV Encik Arif seorang anggota polis yang sanggup berkorban nyawa demi menyelamatkan orang awam
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S53 Pilih pernyataan yang sesuai bagi prinsip etika Deontologi.

- A Masyarakat perlu menuruti suara hati mereka ketika menganalisa dilema etika
- B Masyarakat mesti mematuhi kewajipan dan tugas ketika menganalisa dilema etika
- C Masyarakat berpegang teguh kepada nilai-nilai agama ketika menganalisa dilema etika
- D Masyarakat perlu mematuhi keperluan masyarakat mereka ketika menganalisa dilema etika

TERBUKA

SULIT

S54 Apakah teori moral Barat yang menegaskan bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang banyak kepada setiap orang atau kepada orang ramai?

- A Teori Egoisme
- B Teori Utilitarianisme
- C Teori Deontologi Tindakan
- D Teori Deontologi Peraturan

S55 Siapakah dua ahli falsafah yang dikaitkan dengan teori Utilitarianisme?

- A Jeremy Bentham dan John Stuart Mill
- B John Stuart Mill dan George Hamilton
- C Jeremy Bentham dan George J. Holyoake
- D John Stuart Mill dan George Bernard Shaw

S56 Pilih pernyataan yang benar mengenai teori Teleologis.

- I Berasal daripada perkataan Yunani "telos" bererti akhir atau akibat
- II Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kejahanatan
- III Asas piawaian tentang sesuatu tindakan yang betul, salah, baik, buruk dan jahat adalah mengikut hati nurani setiap individu
- IV Hasil perbuatan yang baik boleh ditafsirkan sebagai perkara yang boleh menguntungkan diri sendiri dan membuatkan orang lain bahagia

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

Soalan 57 berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 6**.

Pernyataan 6

Langkah kerajaan memperkenalkan cukai GST bermula pada bulan April tahun 2015 adalah tanggungjawab kerajaan bagi mengukuhkan ekonomi negara.

S57 Apakah teori yang tepat bagi pernyataan 6 di atas?

- A Teori Egoisme
- B Teori Utilitarianisme
- C Teori Deontologi Tindakan
- D Teori Deontologi Peraturan

S58 Apakah yang dimaksudkan dengan etika Egoisme Universal?

- A Semua orang mengejar kepentingan orang lain secara eksklusif
- B Semua orang memberi bantuan kepada orang lain selagi diperlukan
- C Semua orang mengejar kepentingan mereka sendiri secara eksklusif
- D Semua orang memberi bantuan kepada orang lain sekalipun diri sendiri memerlukannya

S59 Apakah yang dimaksudkan dengan Egoisme?

- A Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu untuk dikongsi dengan orang lain
- B Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat orang lain
- C Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu semata-mata untuk manfaat diri sendiri
- D Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu bukan semata-mata untuk manfaat diri sendiri

S60 Siapakah yang memperkenalkan teori Utilitarianisme sebagai prinsip moral tertinggi yang disebut sebagai ‘asas kegunaan atau manfaat’ (*The Principle of Utility*)?

- A James Mill
- B David Hume
- C John Stuart Mill
- D Jeremy Bentham

TERBUKA

S61 Siapakah yang memperkenalkan penggunaan istilah Sekularisme?

- A Ibn Rushd
- B Ibn Khaldun
- C George Holyoake
- D George Bernard Shaw

S62 Apakah pernyataan yang boleh dikaitkan dengan Sekularisme?

- A Gerakan untuk memperjuangkan kesetaraan manusia
- B Ideologi politik yang dipegang oleh bukan agamawan
- C Gerakan yang memisahkan antara agama dan kerajaan
- D Parti politik yang memperjuangkan pembangunan negara

S63 Pilih pernyataan yang betul tentang Sekularisme.

- I Tidak bercanggah dengan Kristian
 - II Bermaksud keduniaan, tiada agama dan zuhud
 - III Ideologi yang memisahkan urusan keduniaan dari urusan keagamaan
 - IV Merupakan satu aliran falsafah yang tidak memiliki kebenaran atau panduan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S64 Manakah antara berikut adalah faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan fahaman Sekularisme?

- I Teori-teori palsu mengenai sains dan astronomi dicipta
 - II Agama mula ditolak oleh masyarakat pada zaman abad pertengahan
 - III Pihak gereja menyalahgunakan kuasa dan bertindak zalim terhadap rakyat
 - IV Tindakan kaum Yahudi yang cuba melakukan pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap agama Kristian
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S65 Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Teleologi?

- A Akhir dan tujuan
- B Akhir dan manfaat
- C Tujuan dan maksud
- D Tujuan dan cita-cita

S66 Nyatakan ciri utama teori Teleologi.

- A Ajaran moral dalam agama
- B Tujuan sosial dari suatu perbuatan
- C Niat seseorang pada suatu perbuatan
- D Tujuan akhir setiap tindakan yang akan diambil

S67 Apakah punca utama berlakunya jenayah pemerdagangan manusia berlaku?

- A Kemiskinan
- B Keuntungan
- C Kepuasan diri
- D Salah guna kuasa

S68 Apakah dua era atau zaman yang menjadikan Sekularisme bertambah dominan?

- A Era anti Sosialisme dan era pro Kapitalisme
- B Era anti senjata nuklear dan era perang dingin
- C Era Renaissance dan era Revolusi Perindustrian
- D Era selepas Perang Dunia Pertama dan sebelum Perang Dunia Kedua

S69 Manakah antara berikut adalah punca berlakunya konflik moral?

- I Peraturan
- II Kepercayaan
- III Percanggahan nilai
- IV Sistem pemerintahan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



S70 Apakah yang dimaksudkan dengan konflik Interpersonal?

- A Percanggahan idea lebih daripada dua pihak
- B Percanggahan nilai moral antara dua pihak atau lebih
- C Percanggahan untuk menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
- D Percanggahan yang terjadi dalam diri seseorang individu tanpa melibatkan orang lain

S71 Manakah antara berikut merupakan cara yang digunakan untuk menyelesaikan konflik moral dengan menggunakan kaedah *Theory of Constraint* (TOC) ?

- I Mendapat pandangan daripada pihak lain dan menyelesaikan konflik moral yang dihadapi
 - II Membantu seseorang individu untuk memahami dan berusaha untuk memikirkan kesan sesuatu tindakan
 - III Memerlukan seseorang individu mengambil tindakan untuk mencapai matlamat secara bersama dan bersefahaman
 - IV Menghasilkan tindakan dan keputusan yang diambil mampu menguntungkan kedua-dua pihak yang mengalami konflik
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S72 Nyatakan pembahagian konflik moral.

- A Konflik intrapersonal dan konflik hierarki
- B Konflik intrapersonal dan konflik pencairan
- C Konflik intrapersonal dan konflik kompromi
- D Konflik intrapersonal dan konflik interpersonal

S73 Pilih bentuk strategi penyelesaian konflik yang sering digunakan dalam menyelesaikan konflik moral.

- I Kompromi
 - II Pencairan Masalah
 - III Pembinaan Hierarki
 - IV *Theory of Constraint* (TOC)
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S74 Apakah yang dimaksudkan dengan konflik moral?

- A Persefahaman nilai di antara dua pihak
- B Pergaduhan antara dua pihak tentang nilai moral
- C Pertembungan antara dua nilai yang bertentangan
- D Pertembungan masalah yang tidak dapat diselesaikan

S75 Pilih strategi yang boleh dilakukan untuk menangani konflik moral.

- I Pemikiran yang terbuka
 - II Membuat keputusan sendiri tanpa ada perundingan
 - III Mengambil kira segala kepentingan sebelum membuat keputusan
 - IV Pemikiran yang mendalam dan terperinci dalam usaha menyelesaikan konflik
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S76 Pilih punca-punca yang menyebabkan isu moral berlaku?

- I Didikan agama
 - II Pengaruh media massa
 - III Pengaruh rakan sebaya
 - IV Sifat ingin tahu dan mencuba
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S77 Siapakah yang memperkenalkan teori Psikoanalisis?

- A James Mill
- B John Stuart Mill
- C Sigmund Freud
- D Jeremy Bentham

TERBUKA

S78 Apakah teori yang menganggap hubungan sejenis dianggap sah untuk diamalkan oleh masyarakat?

- A Hedonisme
- B Naturalisme
- C Darwinisme
- D Eksistensialisme

S79 Siapakah pengasas kepada teori Biosentrisme (*Biocentrism*)?

- A Robert Lanza
- B Bernard Lewis
- C Richard Brandt
- D Jeremy Bentham

S80 Apakah teori yang dikemukakan oleh Charles Darwin daripada hasil kajiannya terhadap tumbuh-tumbuhan dan binatang?

- A Teori evolusi
- B Teori psikologi
- C Teori biologi manusia
- D Teori kejadian manusia

- SOALAN TAMAT-

TERBUKA

• Kebutuhan fizikal dan jasmaniah
• Kebutuhan emosi dan perasaan
• Kebutuhan untuk berinteraksi dengan orang lain
• Kebutuhan untuk mendapat maklumat dan pengetahuan